

08/09/1997

22 Kelab Umno tubuh majlis

KUALA LUMPUR, Ahad - Dua puluh dua Kelab Umno di peringkat antarabangsa akan bergabung untuk menubuhkan Majlis Kelab Umno Sedunia sebagai usaha memastikan pelajar luar negara bersedia menghadapi cabaran alaf baru.

Jurucakap kelab terbabit, Long Kechik, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada dasarnya merestui penubuhan majlis itu yang ahli jawatankuasanya akan dianggotai semua pemimpin kelab terbabit.

"Perdana Menteri akan membawa idea penubuhan kelab itu kepada Majlis Tertinggi Umno untuk dibincangkan.

"Tetapi, jika dilihat pada komitmen awal yang ditunjukkan Dr Mahathir, insya-Allah ia akan mendapat kelulusan semua pihak," katanya selepas mengetuai 22 perwakilan Kelab Umno dalam pertemuan sejam dengan Perdana Menteri sempena Perhimpunan Agung Umno di sini, hari ini.

Beliau yang juga Presiden Kelab Umno Pekan Baru, Indonesia, berkata hasrat untuk menubuhkan majlis itu timbul selepas semua pihak berpendapat perlunya satu rangkaian yang lebih baik antara kelab.

Sehubungan itu, menurutnya, majlis itu turut bercadang untuk menjadikan Umno Pusat sebagai badan sekretariat dan menjadikan Perhimpunan Agung tahunan Umno sebagai medan pertemuan dan penyelarasan program.

"Ketika ini, semua Kelab Umno bergerak secara bersendirian tanpa mempunyai sebarang hubungan dengan yang lain.

"Oleh itu, kita berharap dapat menubuhkan kelab di bawah satu pengurusan dan ditadbir sendiri oleh pelajar tanpa kepentingan politik tetapi mempunyai kerjasama dengan Umno Pusat," katanya.

Long berkata, dalam pertemuan itu Dr Mahathir juga banyak memberi nasihat kepada mereka dengan menganggap siswa luar negara sebagai penyambung kepada perjuangan bangsa.

"Perdana Menteri juga mengharapkan kami mengambil peluang untuk memperluaskan diri supaya pemimpin muda mempunyai pemikiran, pemahaman dan tafsiran jelas terhadap usaha mempertingkatkan perjuangan bangsa dan maruah orang Melayu," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Biro Antarabangsa Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meraikan perwakilan Kelab Umno itu pada majlis makan tengah hari.

Berucap pada majlis itu, Abdullah berkata, peluang wakil kelab itu menghadiri Perhimpunan Agung Umno ini perlu digunakan sepenuhnya untuk mendapat maklumat sebenar mengenai parti dan negara.

"Ahli kelab adalah pendukung utama Umno di luar negara yang berfungsi menerangkan mesej dan kerajaan di negara mereka belajar apabila timbul sebarang kekeliruan.

"Oleh itu, mereka perlu mempunyai maklumat secukupnya untuk membolehkan mereka menyampaikan maklumat sebenar mengenai negara secara lebih berkesan serta menghapus salah faham berkaitan negara," katanya.

Menurutnya, biro antarabangsa turut berperanan mengawal selia Kelab Umno di seluruh dunia dalam usaha memastikan keberkesanan kelab berkenaan.

Ahli jawatankuasa penasihat kelab itu, Zaidi Che Mat, berkata selain mempunyai peranan sebagai Majlis Kelab Umno, kelab itu akan berfungsi bukan saja untuk kepentingan ahli, malah semua pelajar Malaysia di seluruh dunia.

Selain itu, katanya, Kelab Umno akan memanfaatkan penggunaan Internet secara intensif bagi membolehkan mendapat maklumat mengenai Umno, perkembangan kerajaan dan negara.

"Daripada pertemuan dengan wakil Majlis Pemuda, difahamkan mereka menerusi Majlis Ekonomi dan Sains dan Teknologi sedang membangunkan kemudahan halaman Internet dan mengeksploitasinya.

"Oleh itu, kami di kelab berharap ia dapat dilaksanakan segera supaya semua Kelab Umno seluruh dunia mendapat maklumat sebenar mengenai Umno dan negara," katanya.

(END)